

21/03/2001

Janji parti pembangkang rasuah: PM

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas parti-parti pembangkang yang sering mendakwa kerajaan mengamalkan rasuah sedangkan mereka sendiri turut menawarkan sogokan kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, hakikatnya parti pembangkang, terutama Pas paling banyak melakukan rasuah kerana mereka sering menaburkan janji untuk meraih sokongan.

Katanya, janji seperti pergi ke syurga dan kekal menjadi orang Islam jika menyokong Pas adalah rasuah moral dan "sogokan" seumpama itu lebih berkesan kepada orang yang tidak kuat fahaman agamanya.

"Dia kata pangkah Pas boleh pergi syurga, itu rasuah. Kita tawar sesuatu untuk mendapat sesuatu ... sesuatu yang tidak sah," katanya selepas merasmikan seminar mengenai kewibawaan dalam perniagaan di Hotel Nikko di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai langkah kerajaan mengatasi dakyah dan tuduhan parti pembangkang kononnya kerajaan sekarang mengamalkan rasuah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan telah menafikan tuduhan pembangkang kononnya ia mengamalkan rasuah dan menjelaskan keadaan sebenar kepada rakyat.

Beliau menegaskan, rasuah tetap dianggap buruk dan kerana itulah gejala berkenaan masih pada peringkat "under the table" atau tersembunyi.

Ada negara, rasuah berlaku secara terbuka ... di Malaysia tak jadi (begitu), tapi bukan tidak jadi langsung. Tapi BPR (Badan Pencegah Rasuah) akan tahu, mereka ada cara mengesan, boleh nampak dari jauh.

"Saya nak beri amaran kepada orang ini, jangan terbabit dengan rasuah sebab BPR ada cara mengesan mereka dari jauh," katanya.

Berucap merasmikan seminar itu, beliau berkata, sistem demokrasi yang memberi hak mengundi kepada rakyat boleh mendorong amalan rasuah dan menyebabkan mereka memilih calon yang bukan terbaik untuk pemerintahan.

"Sebaliknya, pengundi memilih calon yang memberi atau berjanji memberi sesuatu, sama ada di dunia atau di akhirat. Dengan ini, pemerintahan akan terdiri daripada orang yang terbabit dengan rasuah, bukannya orang yang cekap memerintah negara atau negeri," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan semua pihak supaya kembali kepada ajaran agama bagi menangani gejala rasuah. Kepercayaan dan pegangan agama yang kukuh akan memperkukuhkan nilai moral dan etika.

Beliau berkata, persekitaran seperti itu sangat sesuai dan kondusif untuk perkembangan kerohanian dari aspek pertanggungjawaban atau akauntabiliti kepada Allah dan sesama insan.

"Iman akan menjuruskan seseorang kepada corak kehidupan yang mulia. Bagi tujuan itu, semua rakyat Malaysia baik yang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, dunia perniagaan dan pemimpin masyarakat, hendaklah saling mengingatkan ajaran agama dan mempunyai keimanan kukuh yang mempengaruhi setiap gerak geri.

Seminar sehari itu adalah anjuran bersama Badan Pencegah Rasuah (BPR), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

(END)